

LLM catat lebih 10,000 kemalangan dalam tempoh setahun

Tayar celup punca nahas

KOSMO 05/01/2019 M/S 10

Oleh SYALMIZI HAMID

GEORGE TOWN – Statistik kemalangan jalan raya yang berpunca daripada penggunaan tayar celup di negara ini mencatatkan angka lebih 10,000 kes dalam tempoh setahun.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian berkata, angka yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuh Raya (LLM) itu disifatkan membimbangkan apabila purata kemalangan disebabkan faktor tersebut adalah kira-kira 30 kes sehari.

“Saya sangat terkejut dengan perkara ini. Itu satu perkara, daripada segi kenderaan lebih muatan juga statistiknya juga begitu tinggi.

“Bagi saya, kita perlu ambil serius isu ini melalui penguatkuasaan untuk memastikan tiada kenderaan lebih muatan dan menggunakan tayar celup yang berbahaya,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Wilayah Utara LLM di sini semalam.

Pada lawatan itu, Baru diberi taklimat berkenaan pelaksanaan operasi dan penyenggaraan lebuh raya serta aspek pengurusan dan operasi Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Baru berkata, JKR akan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan



SEBAHAGIAN daripada proses membuat tayar celup. – Gambar hiasan

(JPJ) untuk memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan bagi mengurangkan kemalangan di negara ini.

Sementara itu, mengulas mengenai penutupan bangunan utama Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini bagi kerja-kerja membaik pulih, beliau berkata, kerja pembaikan dijangka akan bermula Jun ini.

INFO

Tayar celup

- Mempunyai dua variasi: Berlesen/tak berlesen
- Menjadi pilihan kerana harga murah serendah RM150 se biji
- Risiko meletup amat tinggi sekiranya tidak menepati piawaian
- Sebatian getah mudah keluar
- Dibuat daripada tayar lama
- Kelihatan seperti tayar baharu
- Tayar celup diluluskan SIRIM Bhd. (SIRIM) selamat digunakan

Menurutnya, projek yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) itu dijangka mengambil masa dua tahun bagi disiapkan dengan kos kira-kira RM17 juta.

Bangunan utama mahkamah berkenaan ditutup sejak 3 September tahun lalu atas faktor keselamatan dan mahkamah itu beroperasi di Bangunan Annex bersebelahan bangunan utama tersebut.